


PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPN 2020-2024



JABATAN PERUMAHAN NEGARA

AMANAT KEPIMPINAN



TUAN JAYASELAN A/L K.NAVARATNAM

KETUA PENGARAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Salam Sejahtera dan Salam Integriti JPN

Pertama sekali saya memanjatkan rasa syukur kerana kita berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perumahan Negara (JPN) 2020-2024 yang dinamakan sebagai OACP JPN. Pelan ini merupakan satu langkah terancang ke arah memperkukuhkan tadbir urus yang baik, pemantapan nilai integriti dan antirasuah dalam setiap kerja, salah guna kuasa dan penyelewengan serta bagi menutup ruang dan peluang rasuah dalam organisasi menerusi penyediaan pelan pengurusan risiko yang sistematik.

Slogan “Malaysia dikenali kerana Integriti dan bukannya rasuah” seperti yang disebut oleh Perdana Menteri menjadi garis panduan dan batu asas di mana Kerajaan sentiasa menekankan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di kalangan penjawat awam di Negara ini. Pembentukan tingkah laku dan keperibadian unggul merupakan salah satu daripada teras utama nilai integriti di kalangan warganya. Pelbagai usaha giat dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyemai penghayatan dan pengukuhan kepada konsep integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar organisasi di peringkat global mahupun nasional di dalam atau di luar Negara.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membangunkan OACP yang tersendiri merangkumi aspek pelaksanaan strategi dan pendekatan di Kementerian/Jabatan/Agensi di bawahnya dengan mengambil kira cadangan tindakan-tindakan berserta sasaran yang ditetapkan di bawah pelan tindakan OACP tersebut. JPN turut terlibat sama dalam usaha penambahbaikan yang akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah OACP Kementerian sentiasa relevan selari dengan persekitaran dan gerak kerja di dalam jabatan ini amnya. Justeru itu, antara peranan dan tanggungjawab saya dalam memastikan pelaksanaan OACP JPN terlaksana, iaitu dengan mengambil kira tindakan-tindakan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut bagi mencapai saranan Kementerian.

Jutaan penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan julung kali ini. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada setiap Bahagian ataupun Unit di bawah JPN dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di dalam organisasi.

Tuan Jayaselan A/L K. Navaratnam

Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara

PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perumahan Negara (JPN) 2020-2024 merupakan sebuah dasar antirasuah yang merangkumi pelbagai aspek integriti serta mencerminkan kesungguhan Jabatan ini untuk membanteras gejala rasuah ke arah perkhidmatan pentadbiran kerajaan yang lebih telus.

Pelan tindakan bersepadu ini dibangunkan adalah sejajar dengan inisiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu bertujuan memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang menyatakan keperluan untuk membangunkan pelan ini di setiap sektor awam.

Kerangka strategi OACP ini terhasil daripada beberapa sesi bengkel dan perbincangan yang dijalankan bersama pegawai-pegawai kanan daripada setiap Bahagian dalam Jabatan ini termasuk penglibatan Ketua Pengarah yang sangat komited bagi memastikan pembangunan OACP ini terlaksana. Kerjasama semua pihak yang terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integrity merupakan gambaran komitmen yang sangat tinggi demi ianya terlaksana.

Secara intipatinya, OACP ini meliputi pelbagai isu dalaman di setiap bahagian yang berkaitan dengan kelemahan integriti, tadbir urus yang efisien dan sikap tanggungjawab setiap individu. Tambahan itu, pelbagai sumber rujukan, beberapa cadangan daripada inisiatif yang sedia ada telah diperakui keberkesanan pelaksanaannya turut di ambil kira dalam menjayakan Pelan ini.

Bagi memastikan kejayaan dalam pembangunan OACP ini, kami selaku tunjang belakang Kementerian beriltizam akan memastikan segala inisiatif dan objektif strategik yang telah dirancang dapat dilaksanakan bersama-sama dengan semua pihak terlibat.

Adalah diharapkan supaya OACP ini akan menjadi panduan bagi semua warga JPN khususnya dan Jabatan lain amnya sekaligus membantu mencapai visi Negara bebas rasuah menjelang tahun 2024.

"Rasuah hanyalah bentuk kezaliman terhadap yang lain"

(Joe Biden)

"Budaya mencintai kerja dan berintegriti tanpa memikirkan kepentingan diri, Menjamin kesinambungan yang cemerlang"

(Unit Integriti)

"Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah"

(Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Ibn Majah)

Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perumahan Negara (JPN) 2020-2024 merupakan satu langkah terancang ke arah memperkukuhkan tadbir urus yang baik bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi menerusi penyediaan pelan pengurusan risiko yang inklusif. Pembangunan OACP ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Mahathir Bin Mohamad pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 dan Siri 2, No 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

JPN beriltizam agar Bebas Rasuah dan Salah Laku melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan pembangunan modal insan yang merangkumi aspek akauntabiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan.

BAB 1

Memberi tumpuan kepada latar belakang JPN dan usaha-usaha yang perlu diambil kira melalui pelbagai inisiatif yang memberi keutamaan kepada usaha penambahbaikan tadbir urus dan integriti di Jabatan. Segala kerja keras dan komitmen yang di berikan oleh setiap Bahagian, OACP telah berjaya digubal demi memberikan garis panduan yang lebih jelas kepada setiap Bahagian untuk menangani isu rasuah.

BAB 2

Mengupas lebih lanjut mengenai lima bidang keutamaan iaitu Kewangan dan Perolehan, Sumber Manusia dan Perolehan, Tadbir Urus Korporat, Pengurusan Teknologi Maklumat dan yang terakhir Pelesenan dan Undang-Undang. Daripada lima (5) bidang keutamaan ini, maka terdapat juga lima strategi telah dikenal pasti bagi menjadikan bidang keutamaan tersebut mempunyai hala tuju dan di perkasakan lagi. Strategi ini seterusnya menjurus kepada **19** Objektif Strategik di mana merangkumi **70** Inisiatif yang bakal dilaksanakan dalam tempoh satu hingga lima (5) tahun akan datang.

Bab 3

Memfokuskan kepada aspek pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Mekanisme ini penting bagi memantau gerak kerja kemajuan inisiatif yang di buat oleh setiap Bahagian peneraju agar selari dengan kerangka pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh OACP Jabatan. Justeru, komitmen yang tinggi dari semua pihak adalah amat penting dalam merealisasikan Visi dan Misi Pelan OACP untuk kita bergerak kearah Negara yang teguh dan maju.

Bab 4

Kesimpulan dan rumusan mengenai OACP dan keperluannya terhadap sesebuah organisasi.

KANDUNGAN

BAB	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1 PENGENALAN	PENGENALAN	1
	HALA TUJU & LATAR BELAKANG ORGANISASI	2-4
	DASAR INTEGRITI &TADBIR URUS	5-6
	ISU DAN CABARAN	7-11
	LANGKAH KOMPREHENSIF	12
	BIDANG-BIDANG BERISIKO	13
BAB 2 PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH JPN	USAHA PENCEGAHAN RASUAH	16
	KERANGKA UTAMA OACP	17
	ANALISIS KUADRAN	18-20
	PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JPN	21-23
	BIDANG KEUTAMAAN 1-5	24-35
BAB 3 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH JPN	CABARAN MENANGANI RASUAH	36
	PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH	37-38
	MEKANISME PENYELASARAN, PEMANTAUN DAN PENILAIAN	39-40
BAB 4 KESIMPULAN DAN HARAPAN	KESIMPULAN	42
	LAMPIRAN	43-46



BAB 1

PENGENALAN

HALA TUJU STRATEGIK JPN

VISI

Menjadi organisasi yang cemerlang dalam melaksanakan dan mengawal selia perumahan yang mampan dan mesra alam ke arah kehidupan berkualiti tinggi.

MISI

Menjadi peneraju utama dalam menjayakan program Perumahan Negara yang komprehensif dan dinamik untuk kesejahteraan rakyat yang berkekalan.

OBJEKTIF

Memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.


LATAR BELAKANG ORGANISASI

Kediaman adalah keperluan asas bagi setiap individu selain keperluan asas seperti makanan, pakaian, pendidikan dan perubatan. Kediaman yang selesa adalah merupakan sebahagian daripada jaminan kehidupan yang sihat, bahagia dan produktif. Oleh hal yang demikian, sebuah jabatan telah diwujudkan untuk memikul tugas bagi memastikan keperluan kepada kediaman yang selesa dapat dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia iaitu Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Objektif utama JPN adalah untuk memastikan pembangunan sektor perumahan yang sempurna, berkualiti dan lebih teratur untuk dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Aspek perancangan adalah merupakan aspek terpenting dalam penyediaan pembangunan perumahan yang mampan. Oleh hal yang demikian, JPN telah mengambil inisiatif dengan menggubal Dasar Perumahan Negara (DRN) bagi memastikan perancangan perumahan di Malaysia dapat dilaksanakan dengan sempurna sekaligus mampu menjamin kehidupan yang lestari di kalangan rakyat Malaysia.

Sebagai agensi induk yang memantau pelaksanaan DRN, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berperanan memastikan DRN mencapai sasaran yang ditetapkan menerusi Pelan Tindakan DRN. Pelan Tindakan DRN bertujuan untuk menggariskan langkah-langkah strategik bagi merealisasikan teras-teras DRN menerusi program dan projek jangka masa pendek, sederhana atau panjang supaya dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan berkaitan. Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian DRN di peringkat KPKT juga dibentuk bagi memantau pelaksanaan Pelan Tindakan DRN yang melibatkan penggiat-penggiat industri perumahan di peringkat Persekutuan, Negeri, Tempatan dan pihak swasta.

TONGGAK UTAMA JPN



DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS

Dalam usaha ke arah bergelar status Negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasana gejala rasuah telah menjadi tunjang Negara. Oleh itu, terdapat beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada bulan April 2004 dengan matlamat melahirkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama kali diadakan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada Jun 2018. Dalam mesyuarat ini, satu keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan PIN. Pelan ini bertujuan menetapkan sasaran dan hala tuju melalui segala inisiatif yang telah di kenalpasti bagi menangani isu ketirisan, integriti, rasuah dan tadbir urus dalam pengurusan JPN bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

Tambahan itu, pelbagai bentuk usaha pencegahan rasuah yang sedia ada sama ada melalui Pelan Antirasuah Nasional (PIN), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan yang terkini adalah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Pelbagai aspek di tambah baik, dikaji dan diolah agar lebih komprehensif serta menyeluruh demi keberkesannya dapat dilihat. Pelan ini juga perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang lebih baik manakala sistem arahan pelaksanaan dan pelaporannya juga perlu lebih jelas.





PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan objektif khusus bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama daripada pelbagai sektor lapisan masyarakat terhadap integriti. Agenda ini bertujuan menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat, memperkukuhkan asas moral masyarakat dan Negara di samping meningkatkan daya saing dan daya tahan Negara dalam usaha menangani cabaran globalisasi. Fasa pertama PIN adalah bertujuan:

- Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi karenah birokrasi dan penyelewengan
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan
- Memantapkan institusi keluarga
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat
- Lima sasaran keutamaan ini menjadi agenda Kerajaan ke arah membudayakan integriti masyarakat



PELAN INTEGRITI PELAN ORGANISASI KPKT, (PIO)

Selaras dengan hasrat dan inspirasi PIN, Pelan Integriti Organisasi OACP dirancang untuk meneruskan program-program penerapan nilai-nilai murni bagi membentuk jati diri, akauntabiliti dan keperibadian yang tinggi kepada warga JPN serta nilai dan etika penjawat awam yang bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan yang terbaik untuk kepuasan pelanggan sejajar dengan visi, misi JPN.



ISU DAN CABARAN MEMERANGI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang iaitu;

TADBIR URUS



- Peruntukan undang-undang (Akta) yang tidak lagi bertepatan yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan
- Berlakunya penyelewengan di dalam urusan yang melibatkan perolehan

INTEGRITI



- Berlakunya penyelewengan di dalam urusan yang melibatkan perolehan
- Campur tangan pihak politik yang menyebabkan sesuatu keputusan terjejas.

SOSIAL



- Ikatan sosial yang rapuh menyebabkan hubungan bersifat materialistik dan terdapat kepentingan tersendiri.
- Tiada sifat tanggungjawab dan prihatin terhadap sesuatu perkara yang dilakukan.

MENGENAL PASTI RISIKO RASUAH

APAKAH PELAN PENGURUSAN RISKU RASUAH.

Satu alat pengurusan (*Management Tool*) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

CRM adalah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.



KEPERLUAN MENANGANI RASUAH

Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang dimana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tersebut.

Gejala rasuah secara amnya, ialah satu bentuk urusan yang berkisar kepada pertukaran kepentingan antara satu pihak yang berkuasa dengan pihak yang berkepentingan. Sejar dengan perkembangan dunia, kepesatan ekonomi dan kemajuan dalam teknologi maklumat, cara pelakuan rasuah semakin jauh berubah. Daripada konsep rasuah kecil-kecilan, ia telah beralih ke konsep rasuah yang lebih besar jaringannya, lebih kompleks dan lebih banyak terselindung.

Kebanyakan punca rasuah juga dikatakan berlaku disebabkan oleh faktor individu itu sendiri. Kelemahan sahsiah peribadi adalah masalah yang sukar untuk ditangani. Kelemahan sifat peribadi ini berlaku disebabkan kurangnya iman serta jati diri dalam diri individu terbabit. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan tenaga profesional yang ada. Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita.


Justeru itu, pelbagai langkah dalam membendung dan menangani gejala rasuah ini perlu dilaksanakan dan disokong oleh semua pihak memandangkan rasuah mampu meninggalkan implikasi terhadap semua pihak. Sesungguhnya, tanpa rasuah segala urusan pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Keadilan serta kesaksamaan dalam masyarakat akan dapat dipertahankan dan semua rakyat tanpa mengira kedudukan juga bangsa akan hidup dengan aman.




Tahun	Kedudukan	Skor
2014	51	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53

Malaysia hanya memperbaiki kedudukan indeks CPI di tangga ke-61 dengan mata skor sebanyak 47 pada tahun 2018 berbanding mata pada tahun 2014 sebanyak 52 mata dengan kedudukan yang lebih baik.

Sumber: Transparency International Malaysia



Peningkatan bilangan tangkapan pada tahun 2019 bagi penjawat awam adalah tinggi berbanding orang awam.




STATISTIK TANGKAPAN
SPRM (2014-2019)

Kumpulan pelaksana merupakan kumpulan yang paling tinggi tangkapan oleh SPRM sejak tahun 2014

Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SEKTOR CENDERUNG KEPADA RASUAH



PENETAPAN BIDANG BERISIKO

Statistik daripada SPRM pada tahun 2013-2018 telah menggariskan beberapa bidang yang berpotensi tinggi terdedah oleh gejala rasuah. Oleh itu, Sesi Mesyuarat Pembangunan Organizational Anti Corruption Plan (OACP) JPN yang telah diadakan pada **20- 22 November 2019** telah memutuskan untuk memberi penekanan dan keutamaan kepada lima (5) bidang berisiko dan di satu daripadanya tidak terdapat di dalam senarai.

LANGKAH-LANGKAH KOMPREHENSIF

Usaha membasmi masalah rasuah dalam negara kita boleh diambil dengan mengambil langkah komprehensif yang meliputi semua sudut. Antara langkah yang perlu diambil untuk mengatasi gejala rasuah ini ialah dengan menguatkuasakan undang-undang dan hukuman yang berkaitan dengan isu rasuah seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575), Kanun Keseksaan (Akta 574), dan lain-lain lagi. Hukuman yang berat perlu dijatuhi kepada pesalah rasuah agar mereka serik untuk melakukan jenayah rasuah serta dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat umum.

Menerusi langkah ini juga seluruh anggota masyarakat akan sedar bahayanya kesan aktiviti rasuah ini. Usaha galakan juga harus diberikan kepada individu serta masyarakat umum yang ingin tampil membantu. Pihak kerajaan hendaklah sentiasa memastikan segala akta berkaitan dapat membantu golongan terbabit tampil membantu dan menyalurkan segala maklumat berkaitan dengan kesalahan rasuah tanpa rasa takut serta menghadapi masalah sampingan.

Ini dapat dilakukan menerusi akta yang berkaitan seperti Akta Melarikan Orang dan Mengugut Saksi Secara Jenayah 1947 (Pindaan 1977) (Akta 191), Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).



BIDANG-BIDANG BERISIKO

SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Pendekatan yang lebih sistematik dalam menguruskan kecekapan di sektor pentadbiran awam dapat meningkatkan keberkesanan dalam sistem pengurusan dan sumber manusia di JPN.

KEWANGAN & PEROLEHAN AWAM

Memandangkan perolehan melibatkan sejumlah besar wang jabatan, maka kepenggunaanya perlu dioptimumkan (*fully utilized*) dan digunakan secara efisien. Perolehan satu bidang paling terdedah kepada salah laku rasuah dan penyelewengan.

PELESENAN & UNDANG-UNDANG

JPN komited dalam menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan semua pihak/syarikat yang terlibat dilindungi ataupun mendapat hak seperti yang dinyatakan. Aktiviti penguatkuasaan dilihat lebih terdedah dengan ruang dan peluang kepada salah laku dan gejala rasuah

TADBIR URUS

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu memastikan JPN menggunakan modal dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tadbir urus dan pengurusan teknologi maklumat perlulah selari dengan kehendak pengguna supaya ianya mudah difahami. Sistem yang dibangunkan juga perlulah selari dengan dasar dan kehendak kerajaan.



“Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatan nya atau gaji maka apabila ia mengambil lebih dari apa yang ditetapkan itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah”

(Hadis Riwayat Abu Daud)



BAB 2

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

USAHA PENCEGAHAN RASUAH

ISU DAN MASALAH YANG DICADANGKAN DALAM KERANGKA OACP

Setiap isu yang timbul akan diperincikan lagi menjadi pelbagai bidang yang cenderung terhadap gejala rasuah. Data pelbagai bidang ini kemudiannya dianalisa berdasarkan nilai kekerapan untuk tempoh empat tahun (2020-2024) dan impaknya terhadap organisasi, ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Isu kelemahan penguatkuasaan, tindakan undang-undang, tadbir urus, pengurusan perumahan, sistem dan prosedur pembelian atau permohonan rumah juga merupakan isu yang sentiasa dititik beratkan dalam mesyuarat pengurusan. Berbagai kaedah telah dirancang bagi tujuan penambahbaikan dalam usaha memantapkan proses kerja pihak pegawai di Jabatan ini. Perancangan ini juga adalah bertujuan untuk menutup ruang dan peluang dari berlakunya ketidakpatuhan (*non-compliance*) dalam melaksanakan fungsi sebagai pihak berkuasa ataupun pihak yang dilantik dalam menguruskan sesuatu masalah dalam bidang perumahan. Pihak Pengurusan juga telah meneliti punca-punca kelemahan yang wujud dan memperakukan inisiatif-inisiatif serta nasihat bagi mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi risiko-risiko yang telah dikenalpasti.

KERANGKA UTAMA OACP JPN

VISI	Melahirkan Warga JPN Yang Berintegriti Tinggi dan Komited Dalam Melaksanakan Tugas				
MISI	Memperkukuhkan Gorvernans, Tadbir Urus dan Integriti Kepada Warga JPN Melalui Pematuhan Dan Akur Terhadap Undang-Undang Dan Peraturan Dari Pihak Yang Berkuasa.				
MATLAMAT	Meningkatkan Kecekapan Dalam Proses Penyampaian JPN Ke Arah Yang Cemerlang.				
BIDANG KEUTAMAAN	Sumber Manusia & Pentadbiran	Kewangan & Perolehan	Pelesenan & Undang-Undang	Tadbir Urus	Pengurusan Teknologi Maklumat
STRATEGI	Memperkukuhkan Pengurusan Sumber Manusia dan Melestarikan Pentadbiran Ke Arah Yang Cemerlang	Mempertingkatkan Mutu, Kecekapan Serta Ketulusan Dalam Kewangan & Perolehan	Mempertingkatkan Kredibiliti Penguatkuasaan Pelesenan dan Undang-Undang	Merekaysakan Pengurusan Tadbir Urus Yang Efisien	Menginstitusikan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Teknologi Maklumat

ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadrان di bawah menggambarkan keutamaan bagi 14 inisiatif yang dikenalpasti daripada 69 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 14 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Ringkasan 14 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

KUADRAN A	KUADRAN B	KUADRAN C	KUADRAN D
Kuadrان A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH	Kuadrان B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI	Kuadrان C mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH	Kuadrان D mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI

STRATEGI 1

- Memperkukuhkan Pengurusan Sumber Manusia dan Melestarikan Pentadbiran Ke Arah Yang Cemerlang

STRATEGI 2

- Mempertingkatkan Mutu, Kecekapan Serta Ketulusan Dalam Kewangan & Perolehan

STRATEGI 3

- Mempertingkatkan Kredibiliti Penguatkuasaan Pelesenan dan Undang-Undang

STRATEGI 4

- Merekaysakan Pengurusan Tadbir Urus Yang Efisien

STRATEGI 5

- Menginstitusikan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Teknologi Maklumat

- **IMPAK:** Kesan atau hasil positif yang di capai melalui kejayaan dalam sesuatu pelaksanaan inisiatif.
- **KOMPLEKSITI:** Kesukaran atau kerumitan dalam melaksanakan sesuatu inisiatif.

IMPAK

A

B

C

D

KOMPLEKSITI

KEUTAMAAN STRATEGI

Ringkasan berikut menunjukkan 15 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 69 inisiatif yang telah dikenal pasti. Ia berdasarkan lima (5) strategi utama sumber manusia, keewangan & perolehan, pelesenan & undang-undang, tadbir urus yang efisien serta keberkesanan pengurusan teknologi maklumat. 15 inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan jangkaan impak dan keperluan kesegaraan untuk menangani rasuah.

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	<i>Job Rotation</i> -Memastikan pusingan kerja di Bahagian/Unit dilaksanakan mengikut peruntukan Pekeliling	B	Strategi 1
2.	Memperkenalkan mekanisme pemantauan pengurusan isu pegawai Jabatan	A	Strategi 1
3.	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat dalam salah laku	A	Strategi 1
4.	Memperkasakan latihan berkaitan pengurusan fail kepada kumpulan sasaran	A	Strategi 1
5.	Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi segala tuntutan yang dibuat oleh pegawai	B	Strategi 2
6.	Memberikan khidmat nasihat kriteria pemilihan kontraktor kepada bakal peminjam	A	Strategi 2
7.	Memperkasakan garis panduan dan pengukuhan tatacara berkaitan perolehan kepada pegawai yang terlibat	A	Strategi 2

8.	Memperkasakan dan menguatkuasakan penggunaan Prosedur Pembinaan dan Audit Verifikasi	A	Strategi 2
9.	Memperkasakan latihan, pengukuhan dan kesedaran berkaitan tindakan kompaun dan senarai hitam pemaju kepada anggota penguatkuasa	A	Strategi 3
10.	Memperkuatkan polisi <i>whistle blower</i> di Jabatan Perumahan Negara.	A	Strategi 3
11.	Mengemaskini dan menambahbaik klausa-klausa di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).	B	Strategi 3
12.	Penyelarasan interpretasi terhadap peruntukan Akta 118 bersama PUU.	B	Strategi 3
13.	Mengadakan hebahan berkenaan penggunaan sistem pengurusan perumahan Negara (SPRN) kepada orang awam dan Kerajaan Negeri	B	Strategi 4
14.	Membangunkan sistem HIMS berdasarkan keperluan semasa pengguna.	A	Strategi 5
15.	Melakukan usaha untuk mengintegrasikan sistem secara menyeluruh merentasi agensi ke arah pemantapan perkongsian maklumat.	B	Strategi 5

PELAN ANTIRASUAH JPN

Kerangka ini secara umumnya menggariskan / mengenalpasti kepentingan yang akan menyumbang kepada keberkesanan usaha pembanteras rasuah di organisasi melalui Lima bidang keutamaan yang meliputi pelbagai strategi demi mendukung bidang keutamaan yang telah dikenal pasti. Di bawah merupakan senarai ringkas jumlah yang terdapat di dalam keseluruhan Komponen Utama OACP JPN.



VISI

Peningkatan integriti dan pencegahan rasuah merupakan sesuatu yang wajib untuk dilaksanakan dengan sepenuh hati. Oleh itu, bagi memastikan warga JPN terus mengamalkan budaya kerja yang unggul dengan bercirikan nilai moral dan etika dapat meningkatkan tahap integriti yang tinggi sekaligus dapat membendung salah laku dan jenayah rasuah. Di samping tindakan punitif tegas yang dikenakan kepada pesalah rasuah, pelbagai dasar, peraturan dan program-program berbentuk pencegahan serta pendidikan perlu dilaksanakan bagi membendung gejala ini.

MISI


Matlamat pelaksanaan tadbir urus baik adalah untuk memastikan JPN dapat mengendalikan hal-ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak rakyat berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan kepercayaan. Antara sebab lain adalah bagi memastikan JPN memantapkan lagi sistem dan prosedur kerja bagi memastikan kelangsungan tadbir urus yang cemerlang and efektif. Perubahan dalam tadbir urus juga hendaklah melibatkan semua lapisan pentadbiran dalam organisasi.

MATLAMAT

Bagi melahirkan persekitaran kerja yang kondusif, berintegriti serta patuh pada undang-undang, seluruh warga JPN perlulah melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh, amanah serta berkemahiran tinggi agar matlamat ini tercapai. Pengukuhan nilai teras dan komited menjadi tonggak di dalam usaha menangani isu ini dan bebas dari rasuah.

AHLI JAWATANKUASA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2020-2024

JABATAN PERUMAHAN NEGARA



BIDANG KEUTAMAAN 1-5

BIDANG KEUTAMAAN	Strategi 1 : Memperkukuhkan Pengurusan Sumber Manusia dan Melestarikan Pentadbiran Ke Arah Yang Cemerlang		
	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)	RISIKO	INISIATIF
SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN	OS 1.1: Membudayakan Etika Kerja Yang Berintegriti Dalam Pentadbiran Awam	4	9
	OS 1.2: Merekayasakan Akauntibiliti Penjawat Awam Ke Arah Tadbir Urus Yang Baik	4	6
	OS 1.3: Memperkasakan Persekitaran Yang Kondusif Dan Lestari	1	2
	OS 1.4: Memperkukuhkan Keselamatan Aset Dan Dokumen Kerajaan	1	2
	JUMLAH	10	19
Strategi 2 : Mempertingkatkan Mutu, Kecekapan Serta Ketulusan Dalam Kewangan & Perolehan			
KEWANGAN & PEROLEHAN	OS 2.1: Meningkatkan Ketulusan Kewangan dan Perolehan, Pengurusan Risiko Rasuah	1	3
	OS 2.2: Meningkatkan Ketulusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran & Antipersaingan	2	3
	OS 2.3 Menambahbaik kerangka perolehan awam di Jabatan	2	3
	OS 2.4 Memperkukuh mekanisme pengurusan projek	1	3
	JUMLAH	6	12
Strategi 3 : Mempertingkatkan Kredibiliti Penguatkuasaan Pelesenan dan Undang-Undang			
PELESENAN & UNDAN-UNDANG	OS 3.1: Menambahbaik Keberkesanan Pelaksanaan Undang-Undang	4	10
	OS 3.2: Mengukuhkan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang	1	3
	OS 3.3 Meningkatkan Integriti Dalam Urusan Pelesenan	1	1
	JUMLAH	6	14
Strategi 4 : Merekaysakan Pengurusan Tadbir Urus Yang Efisien			
TADBIR URUS	OS 4.1: Memperkasa Integriti Warga Kerja	3	11
	OS 4.2: Meningkatkan Kecekapan Proses Tadbir Urus	1	2
	OS 4.3: Meningkatkan Mekanisme Pengurusan Projek	2	4
	JUMLAH	6	17
Strategi 5 : Menginstitusikan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Teknologi Maklumat			
PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	OS 5.1: Merekayasakan Pengurusan Teknologi Maklumat Ke Arah Tadbir Urus Yang Baik	2	4
	OS 5.2: Membangunkan Aplikasi Berimpak Tinggi Serta Meningkatkan Aplikasi Sedia Ada Dengan Menggunakan Teknologi Terkini Berpanduan Piawaian Diiktiraf	1	2
	OS 5.3: Memperkasakan Jaringan Kolaboratif Strategik Dengan Pelbagai Pihak	1	1
	JUMLAH	4	7
JUMLAH BESAR		32	69

BIDANG KEUTAMAAN 1	SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN			
STRATEGI 1	MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN MELESTARIKAN PENTADBIRAN KE ARAH YANG CEMERLANG			
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	MEMBUDAYAKAN ETIKA KERJA YANG BERINTEGRITI DALAM PENTADBIRAN AWAM			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.1.1 KETIADAAN PEGAWAI DI PEJABAT KETIKA WAKTU KERJA	1.1.1.1	Memperkenalkan mekanisme pemantauan pengurusan isu pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	1 TAHUN (2020-2021)
	1.1.1.2	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	1.1.1.3	Menganjurkan program latihan atau kesedaran Integriti kepada pegawai warga Jabatan	Unit Sumber Manusia	5 TAHUN (2020-2024)
1.1.2 PENYALAHGUNAAN KELULUSAN BERTUGAS LUAR PEJABAT	1.1.2.1	Memperkenalkan mekanisme pemantauan pengurusan isu kepada pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	2TAHUN (2020-2021)
	1.1.2.2	Menganjurkan program latihan atau kesedaran Integriti kepada pegawai warga Jabatan	Unit Sumber Manusia	5 TAHUN (2020-2024)
1.1.3 TIDAK MENEPATI WAKTU KEHADIRAN KE PEJABAT	1.1.3.1	Memperkenalkan mekanisme pemantauan waktu kehadiran pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	1 TAHUN (2020-2021)
	1.1.3.2	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	1.1.3.2	Mengadakan program latihan atau kesedaran integriti kepada pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	5 TAHUN (2020-2024)
1.1.4 PEMALSUAN SIJIL CUTI SAKIT	1.1.4.1	Memperkenalkan mekanisme pemantauan pengurusan semakan Sijil Cuti Sakit pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	1 TAHUN (2020-2021)
	1.1.4.2	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2		MEREKAYASAKAN AKUNTABILITI PENJAWAT AWAM KE ARAH TADBIR URUS YANG BAIK		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.2.1 PENYELEWENGAN & PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH PEGAWAI YANG DITEMPATKAN TERLALU LAMA DI BAHAGIAN YANG SENSITIF	1.2.1.1	Memastikan pusingan kerja di Bahagian/Unit dilaksanakan mengikut peruntukan Pekeliling Bil.3 2004.	Unit Sumber Manusia	5 TAHUN (2020-2024)
	1.2.1.2	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	1.2.1.3	Program "Meningkatkan kesedaran pegawai Jabatan berkaitan berkaitan Akta SPRM 2009, Seksyen 16,17, 18 dan 23"	Unit Integriti	2 TAHUN (2020-2021)
1.2.2 PENYALAHGUNAAN KEMUDAHAN TNG, INDEK MINYAK DAN ASET JABATAN UNTUK KEGUNAAN PERIBADI	1.2.2.1	Memperkenalkan mekanisme pemantauan bagi penyalahgunaan kemudahan Kerajaan kepada pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	1 TAHUN (2020-2021)
1.2.3 KERJA HAKIKI TERTANGGUH KERANA PEGAWAI MENGUTAMAKAN AKTIVITI LUAR / SAMPINGAN	1.2.3.1	Memperkenalkan mekanisme pemantauan pengurusan isu pegawai Jabatan	Unit Sumber Manusia	1 TAHUN (2020-2021)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3		MEMPERKASAKAN PERSEKITARAN YANG LEBIH KONDUSIF DAN SELESA		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.3.1 KETIDAKHARMONIAN DI TEMPAT KERJA DISEBABKAN GANGGUAN SEKSUAL	1.3.1.1	Melaksanakan program kesedaran berkaitan Peraturan 4A Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1993 (P.U (A) 395)	Unit Sumber Manusia	5 TAHUN (2020-2024)
	1.3.1.2	Menggalakkan pematuhan terhadap pekeling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2018 berkaitan Pengendalian Gangguan Seksual di tempat Kerja	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	1.3.1.3	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.4		MEMPERKUKUHKAN KESELAMATAN ASET DAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.4.1 BERLAKUNYA KEHILANGAN DAN KECUAIAN DALAM MENGURUSKAN FAIL TERPERINGKAT	1.4.1.1	Memperkasakan latihan berkaitan pengurusan fail kepada kumpulan sasaran		Unit Pentadbiran	5 TAHUN (2020-2024)
	1.4.1.2	Memperkukuhkan mekanisma pengendalian dokumen/rekod rasmi kerajaan berdasarkan pekeliling.		Unit Pentadbiran	2 TAHUN (2021-2022)

BIDANG KEUTAMAAN 2	KEWANGAN & PEROLEHAN			
STRATEGI 2	MEMPERTINGKATKAN MUTU, KECEKAPAN SERTA KETELUSAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN & PEROLEHAN SERTA PENYELEWENGAN			
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	MENINGKATKAN KETELUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN, PENGURANGAN RISIKO RASUAH			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.1 TUNTUTAN PALSU MELIBATKAN WARGA JABATAN	2.1.1.1	Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi segala tuntutan yang dibuat oleh pegawai	Bahagian Akaun dan Bayaran	1TAHUN (2020-2021)
	2.1.1.2	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	2.1.1.3	Mengadakan Latihan / Kursus iaitu "Meningkatkan kesedaran pegawai Jabatan berkaitan berkaitan Akta SPRM 2009, Seksyen 18 (mengemukakan tuntutan palsu)"	Bahagian Akaun dan Bayaran	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	MENINGKATKAN KETELUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN, PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN DAN ANTIPERSAINGAN			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.2.1 MANIPULASI PIHAK KONTRAKTOR ATAS TUNTUTAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)	2.2.1.1	Memperkasakan mekanisme pemantauan kemajuan kerja	Bahagian Pengurusan Perumahan	5 TAHUN (2020-2024)
	2.2.1.2	Memberikan khidmat nasihat kriteria pemilihan kontraktor kepada bakal peminjam.	Bahagian Pengurusan Perumahan	5 TAHUN (2020-2024)
2.2.2 PEMBOCORAN MAKLUMAT SENSITIF DAN SULIT KEPADA PIHAK LUAR	2.2.2.1	Meningkatkan kesedaran pegawai Jabatan berkaitan berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)	Unit Integriti	1 TAHUN (2020-2021)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.3	MENAMBAHBAIK KERANGKA PEROLEHAN AWAM DI JABATAN			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.3.1 PEMBAYARAN KONTRAKTOR PENYELAMAT PROJEK TERBENGKALAI DIBUAT TANPA PROSES PEMANTAUAN YANG TELUS DAN TELITI	2.3.1.1	Melaksanakan pelarasan kuantiti dan harga kontrak sebelum bayaran dibuat.	Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai	5 TAHUN (2021-2024)
	2.3.1.2	Memperkasakan dan menguatkuasakan penggunaan Prosedur Pembinaan dan Audit Verifikasi	Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai	5 TAHUN (2021-2024)

RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.3.2 CAMPUR TANGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PROSES PEROLEHAN / PEMILIHAN KONTRAKTOR	2.3.2.1	Memperkasakan garis panduan dan pengukuhan tatabara berkaitan perolehan kepada pegawai yang terlibat	Bahagian Kewangan	1 TAHUN (2020-2021)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.4	MEMPERKUKUKAN MEKANISME PENGURUSAN PROJEK			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.4.1 BAYARAN DIBUAT KEPADA KONTRAKTOR BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	2.4.1.1	Memastikan semakan serta pengesahan di tapak bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan tidak dilaksanakan sebelum bayaran dibuat.	Bahagian Pemulihan Projek Terbangkalai Bahagian Pengurusan Perumahan Bahagian Perancangan	5 TAHUN (2020-2024)
	2.4.1.2	Memastikan Pelarasan Harga Kontrak dimuktamadkan bersama pihak kontraktor sebelum bayaran dibuat.	Bahagian Pemulihan Projek Terbangkalai	5 TAHUN (2020-2024)
	2.4.1.3	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)

BIDANG KEUTAMAAN 3	PELESENAN DAN UNDANG-UNDANG			
STRATEGI 3	MEMPERTINGKATKAN KREDIBILITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PELESENAN			
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	MENAMBAHBAIK KEBERKESANAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1 MENYALAHGUNA KUASA BAGI MENGELAK PEMAJU DIKENAKAN TINDAKAN KOMPAUN, SENARAI HITAM	3.1.1.1	Memperkasakan latihan, pengukuhan dan kesedaran berkaitan tindakan kompaun dan senarai hitam pemaaju kepada anggota penguatkuasa	Bahagian Penguatkuasaan	5 TAHUN (2020-2024)
	3.1.1.2	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang terlibat	Unit Integriti	2 TAHUN (2020-2021)
	3.1.1.3	Memperkukuhkan dan meneliti polisi <i>whistle blower</i> daripada JPA di Jabatan Perumahan Negara.	Unit Integriti	1 TAHUN (2020-2021)
3.1.2 MENYALAHGUNA KUASA DALAM SEMAKAN DAN PERAKUAN PELAPORAN 7(F) BAGI MENGELAK PEMAJU DIKENAKAN TINDAKAN	3.2.1.1	Meningkatkan latihan dan kesedaran berkaitan pelaporan 7(f) di kalangan kakitangan (penyemak dan peraku laporan)	Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta	5 TAHUN (2020-2024)
	3.2.1.2	Tindakan Punitif kepada pegawai terlibat	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	3.2.1.3	Memperkukuhkan dan meneliti polisi <i>whistle blower</i> daripada JPA di Jabatan Perumahan Negara.	Unit Integriti	1 TAHUN (2020-2021)
3.1.3 KLAUSA/SKOP DALAM AKTA YANG LONGGAR DAN TIDAK KOMPREHENSIF MENYEBABKAN IMPLIKASI UNDANG-UNDANG KEPADA JABATAN	3.1.3.1	Mengemaskini dan menambahbaik klausa-klausa di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).	Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan	2 TAHUN (2020-2021)
3.1.4 KURANG PEMAHAMAN ATAU INTERPRETASI TERHADAP AKTA 118	3.1.4.1	Penyelarasan interpretasi terhadap peruntukan Akta 118 bersama PUU.	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik	2 TAHUN (2020-2021)
	3.1.4.2	Memberi kefahaman terhadap Akta 118 kepada kakitangan.	Unit Korporat	5 TAHUN (2020-2024)
	3.1.4.3	Mengadakan dan memperkasakan latihan/ kursus berkaitan AKTA 118 kepada kumpulan sasar.	Bahagian Perlesenan	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2		MENGUKUHKAN KREDIBILITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.2.1 KELEMAHAN PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTA 118	3.2.1.1	Menambahbaik mekanisme pengumpulan data/dokumen bagi penyediaan kertas siasatan yang lengkap.	Bahagian Penguatkuasaan	1 TAHUN (2020-2021)
	3.2.1.2	Memberi kesedaran dan pendidikan kepada syarikat pemaju perumahan.	Bahagian Penguatkuasaan	1 TAHUN (2020-2021)
	3.2.1.3	Menambahbaik dan memperketatkan SOP berkaitan aktiviti penguatkuasaan.	Bahagian Penguatkuasaan	1 TAHUN (2020-2021)

OBJEKTIF STRATEGIK 3.3		MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM URUSAN PELESENAN		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.3.1 KEGAGALAN PEMATUHAN KEPADA PIAGAM BAGI PROSES PERMOHONAN APDL	3.3.3.1	Penambaiakan proses kerja melalui pembangunan sistem HIMS bagi automasi proses permohonan APDL	Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan	1 TAHUN (2020-2021)

BIDANG KEUTAMAAN 4	TADBIR URUS			
STRATEGI 4	MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN TADBIR URUS YANG LEBIH EFISIEN			
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	MEMPERKASA INTEGRITI WARGA KERJA			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.1.1 PENYALAHGUNAAN DAN KEBOCORAN MAKLUMAT SULIT	4.1.1.1	Mengadakan program kesedaran untuk memantapkan dan memberi kefahaman berkenaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) secara berkala.	Unit Integriti	1 TAHUN (2020-2021)
	4.1.1.2	Meningkatkan hebahan kepada warga Jabatan berhubung definisi dokumen terperingkat.	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	4.1.1.3	Meningkatkan penyeliaan rapi oleh pegawai penyelia dalam urusan yang melibatkan dokumen terperingkat.	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
	4.1.1.4	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
4.1.2 MENERIMA IMBUHAN/HADIAH UNTUK KELULUSAN PERMOHONAN / TUNTUTAN	4.1.2.1	Mengadakan program kesedaran mengenai rasuah di peringkat Jabatan secara berterusan.	Unit Integriti	1 TAHUN (2020-2021)
	4.1.2.2	Memastikan polisi pengurusan hadiah Pekeliling Bil.3 1998 di hebahkan kepada Warga JPN	Unit Integriti	5 TAHUN (2020-2024)
4.1.3 PELAKSANAAN KERJA TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SOP/PIAGAM PELANGGAN	4.1.3.1	Memperkasa pemantauan terhadap pematuhan	Bahagian / Unit di JPN	1 TAHUN (2020-2021)
	4.1.3.2	Menyediakan latihan berkaitan SOP / Piagam Pelanggan/ Arahan Kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 TAHUN (2020-2024)
	4.1.3.3	Tindakan Punitif kepada pegawai terlibat	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 4.2	MENINGKATKAN KECEKAPAN PROSES TADBIR URUS			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.2.1 KELEWATAN DALAM PENGISIAN PPR	4.2.1.1	Penambahbaikan SOP penyerahan PPR yang lebih berkesan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.	Bahagian Pengurusan Perumahan	2 TAHUN (2020-2022)
	4.2.1.2	Mengadakan hebahan berkenaan penggunaan sistem pengurusan perumahan Negara (SPRN) kepada orang awam dan Kerajaan Negeri	Bahagian Pengurusan Perumahan	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 4.3		MEMPERKUKUHKAN MEKANISME PENGURUSAN PROJEK		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH		INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.3.1 PELAKSANAAN PROJEK PADA FASA PEMBINAAN KURANG TELUS DAN CEKAP	4.3.1.1	Menambah kakitangan kontrak dan mempertingkatkan pemantauan pelaksanaan melalui mesyuarat/lawatan tapak secara berkala bagi memastikan kontraktor melaksanakan projek mengikut kehendak/spesifikasi di dalam kontrak.	Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai	5 TAHUN (2020-2024)
	4.3.1.2	Mengemaskini SOP bagi fasa pembinaan seperti pemantauan di tapak bina sekiranya terdapat keperluan	Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai	5 TAHUN (2020-2024)
4.3.2 PELAPORAN KEMAJUAN KERJA PEMAJU TIDAK TEPAT DENGAN KEMAJUAN SEBENAR	4.3.2.1	Laporan pemaju disemak silang dengan lawatan tapak secara rawak.	Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta	5 TAHUN (2020-2024)
	4.3.2.2	Meningkatkan latihan kepada pemaju berkaitan kaedah pelaporan kemajuan kerja.	Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta	5 TAHUN (2020-2024)

BIDANG KEUTAMAAN 5	PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT			
STRATEGI 5	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT			
OBJEKTIF STRATEGIK 5.1	MEREKAYASA PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KE ARAH TADBIR URUS BAIK			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
5.1.1 KAWALAN KESELAMATAN SISTEM TIDAK KUKUH	5.1.1.1	Mewujudkan prosedur pengurusan keselamatan ICT JPN.	Bahagian Teknologi Maklumat	1 TAHUN (2020-2021)
	5.1.1.2	Melaksanakan pemantauan secara berkala.	Bahagian Teknologi Maklumat	5 TAHUN (2020-2024)
5.1.2 PENGUBAHSUAIAN DATA BOLEH DIBUAT OLEH PEGAWAI TANPA KAWALSELIA	5.1.2.1	Memperkasakan pengurusan audit trail bagi semua sistem	Bahagian Teknologi Maklumat	1 TAHUN (2020-2021)
	5.1.2.2	Meningkatkan kawal selia pegawai yang mempunyai akses kepada sebarang pengubahsuaian data.	Bahagian Teknologi Maklumat	5 TAHUN (2020-2024)
	5.1.2.3	Menyediakan panduan kerja / senarai semak	Bahagian Teknologi Maklumat	1 TAHUN (2020-2021)

OBJEKTIF STRATEGIK 5.2	MEMBANGUNKAN APLIKASI BERIMPAK TINGGI DAN MENINGKATKAN APLIKASI SEDIA ADA DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TERKINI BERPANDUKAN PIAWAIAN DIKTIRAF			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
5.2.1 SISTEM TIDAK MEMENUHI KEHENDAK PENGGUNA (OBSOLETE)	5.2.1.1	Membangunkan sistem HIMS berdasarkan keperluan semasa pengguna.	Bahagian Teknologi Maklumat	1 TAHUN (2020-2021)
	5.2.1.2	Menambah baik sistem sedia ada mengikut keperluan semasa pemegang taruh	Bahagian Teknologi Maklumat	5 TAHUN (2020-2024)

OBJEKTIF STRATEGIK 5.3	MEMPERKASAKAN JARINGAN KOLABORATIF STRATEGIK DENGAN PELBAGAI PIHAK			
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF		PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
5.3.1 SISTEM DALAMAN TIDAK BERINTEGRASI DENGAN SISTEM LAIN YANG DIGUNAKAN DI LUAR AGENSI	5.3.1.1	Melakukan usaha untuk mengintegrasikan sistem secara menyeluruh merentasi agensi ke arah pemantapan perkongsian maklumat.	Bahagian Teknologi Maklumat	4 TAHUN (2020-2023)

BAB 3

TADBIR URUS

CABARAN MENANGANI RASUAH


FENOMENA RASUAH YANG BAKAL MENGANCAM ORGANISASI

Rasuah bukan sahaja boleh merosakkan individu, tetapi juga boleh memusnahkan organisasi dan Negara. Imej organisasi dan negara akan tercemar dengan isu-isu rasuah yang berlaku. Berdasarkan kajian perpustakaan, antara faktor - faktor rasuah adalah seperti berikut;

- i. Campur tangan manusia dalam perolehan dan kontrak;
- ii. Kurang pemantauan;
- iii. Ketelusan yang minimum;
- iv. Budi bicara yang tidak tepat;
- v. Percanggahan kepentingan;
- vi. Kelemahan dalam perolehan;
- vii. Peningkatan perbelanjaan awam; dan
- viii. Monopoli.

JPN sedar akan kesan apabila berlakunya perubahan dalam setiap penggubalan dasar Kerajaan yang lama mahupun yang baharu. Perubahan semasa dari konteks sosial dan impaknya dalam menilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih relevan serta kompetitif pada masa hadapan.

PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH



Sumber: SPRM

Prinsip 1 - Komitmen untuk menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik

- Tidak membenarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk, samada secara langsung atau tidak langsung
- Memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Etika pada setiap masa
- Mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada mereka yang mempunyai integriti dan etika yang tinggi
- Mewujudkan budaya kerja positif yang mengutamakan integriti
- Meningkatkan saluran aduan yang selamat dan boleh diakses oleh seluruh warga serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah

Prinsip 2 - Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah

- Membangunkan program pencegahan rasuah bagi menjelaskan nilai-nilai, dasar dan prosedur bagi mencegah perbuatan rasuah
- Memperbaiki sistem serta prosedur sedia ada bagi mengelakkan sebarang amalan rasuah
- Mengadakan audit dalaman secara berterusan bagi mengelakkan penyalahgunaan dana serta aset
- Memasukkan program pencegahan rasuah, peningkatan nilai-nilai etika dan integriti dengan memberi latihan kepada pihak pengurusan dan seluruh warga anggota kerja

Prinsip 3 - Pematuhan undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah

- Memastikan semua undang-undang, dasar dan prosedur yang berkaitan dengan rasuah dipatuhi
- Memastikan tadbir urus yang baik dilaksanakan, dipantau dan diamalkan, perniagaan dijalankan secara telus serta bertanggungjawab bagi mengelak konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan salah laku.

Prinsip 4 - Pembanterasan segala bentuk gejala rasuah

- Tidak bertolak ansur terhadap mana-mana pekerja atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam rasuah yang berkaitan dengan perniagaan tanpa mengira kedudukan serta status
- Untuk melaporkan perlakuan rasuah yang berlaku di premis perniagaan kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan.

Prinsip 5 - Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

- Menyokong kempen pencegahan rasuah oleh kerajaan dan SPRM
- Memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa, agensi kawal selia dan SPRM berhubung pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang bagi menentang rasuah
- Menyokong segala inisiatif pencegahan rasuah yang dibuat oleh SPRM
- Mengatur program pencegahan rasuah secara berterusan melalui penubuhan jawatankuasa khas atau Jabatan Pematuhan Integriti
- Mewujudkan hubungan erat dengan Pihak Berkuasa dan SPRM
- Mengadakan modul latihan secara berterusan bagi pencegahan rasuah, etika dan integrity


MEKANISMA PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan satu dokumen yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan oleh semua warga JPN. OACP juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memerangi rasuah. Pelan ini bermatlamat untuk menyumbang kepada pembaharuan strategi antirasuah di Malaysia.

Dalam mengenal pasti prestasi setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau secara berkala. Unit Integriti akan menyelaras setiap aktiviti dan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) JPN akan memantau dan menilai setiap pelan pelaksanaan. Di bawah adalah contoh mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian:




MEKANISMA PEMANTAUAN



Pengarah Bahagian akan mengawasi prestasi Jabatan/Bahagian peneraju dalam melaksanakan tindakan OACP

Bahagian Integriti dan Bahagian terlibat akan mengemukakan laporan tahunan pemantauan dan OACP mengenai Jabatan/ Bahagian peneraju kepada pihak pengurusan

Melaksanakan penilaian risiko yang diperlukan, mengenal pasti penyelesaian yang terbaik dan mewujudkan aktiviti yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan antirasuah



Suatu laporan pemantauan dan penilaian oleh Bahagian Integriti dan Audit Dalam berkaitan prestasi Jabatan / Bahagian peneraju akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelan Anti Rasuah Organisasi

Jabatan/Bahagian peneraju akan menyerahkan laporan tahunan kepada urusetia Bahagian Integriti dan Jawatankuasa OACP

Urusetia Bahagian Integriti dan Ahli Jawatankuasa OACP mengadakan Mesyuarat Prestasi sekurang – kurangnya dua ke tiga kali dalam tempoh setahun dengan kehadiran Jabatan / Bahagian peneraju



BAB 4

KESIMPULAN

KESIMPULAN & HARAPAN

Pelan Antirasuah Organisasi OACP JPN ini telah dirangka sebagai garis panduan kepada pegawai / kakitangan JPN ke arah sistem penyampaian dan perkhidmatan yang lebih sistematik, cekap, berintegriti, bersih dan menyeluruh. OACP ini merupakan salah satu persediaan bagi menghadapi cabaran dalaman serta luaran dari pelbagai aspek terhadap jabatan ini.

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi OACP JPN juga bertujuan memperlihatkan komitmen jabatan dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan. Pelbagai bentuk tindakan dan langkah yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah.

Ini dapat dilihat menerusi **5** Strategi, **19** Objektif Strategik yang merangkumi **70** inisiatif yang telah dikenalpasti dan digubal untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah di JPN buat pertama kali. JPN juga berhasrat agar dapat meneruskan kerjasama dengan GIACC, SPRM, IIM dan agensi yang terlibat bagi membendung perbuatan salah guna kuasa juga penyelewengan sekaligus memperkukuhkan lagi integriti kakitangan.

Justeru itu, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dikenalpasti akan dipantau dan dikaji dari semasa ke semasa. Pengurusan tertinggi JPN juga akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira semua maklumbalas, dan cadangan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi rujukan semua pihak terutamanya kakitangan JPN dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

**BENGKEL PEMBANGUNAN
&
PENGUBALAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
JABATAN PERUMAHAN NEGARA
20-22 NOV 2019**

BUKIT
GAMBANG
RESORT CITY
Leisure at its best!





